

LAWATAN PENANDA ARAS (ZON PERGIGIAN)

Lawatan ke Unit Integriti, Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Jawatankuasa EKSA Zon Pergigian telah mengadakan satu lawatan penanda aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia, Isnin 13 Jun 2022 bagi melihat pelaksanaan EKSA di zon integriti. Zon Integriti dipilih kerana telah mencapai tahap yang cemerlang ketika Audit EKSA KKM.

Lawatan ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Latihan EKSA Zon Pergigian. Seramai 8 orang peserta yang terdiri daripada Penyelaras, Urusetia, Jawatankuasa Audit Dalam, Jawatankuasa Promosi dan Jawatankuasa Latihan serta beberapa ahli daripada Zon Biru dan Merah.

Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan serta pemahaman yang lebih meluas kepada ahli-ahli jawatankuasa serta warga Program Kesihatan Pergigian mengenai EKSA. Selain itu bertujuan untuk berkongsi pandangan dan idea berkenaan pelaksanaan EKSA di jabatan masing-masing.



Ucapan alu-aluan telah diberikan oleh Puan Siti Hamira binti Mohd Noh selaku penyelaras EKSA di Zon Integriti.



Sesi lawatan diiringi oleh wakil Zon Integriti.



Sesi lawatan diiringi oleh wakil Zon Integriti.





Contoh keseragaman yang dipraktikkan di Zon Integriti.



Contoh keseragaman yang dipraktikkan di Zon Integriti.



Hiasan yang menarik di beberapa sudut.



Sudut Go Green / Kitar Semula yang disediakan.



Sesi penyampaian cenderahati daripada Zon Integriti kepada Dr Sheila Rani a/p Ramalingam selaku wakil Program Kesihatan Pergigian.